

19/01/1998

Budaya segar dalam kegawatan ekonomi

Sut

SEWAKTU merasmikan pameran Asean Masterworks di Balai Seni Lukis Negara tiga hari lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, "Kegawatan ekonomi yang melanda Asean sekarang tidak harus menjejaskan kegiatan seni dan kehidupan kebudayaan. Kehidupan masyarakat, budaya dan seni harus berjalan seperti biasa".

Memang benar seperti ditegaskan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan itu. Walau bagaimanapun meruncing dan gawatnya keadaan ekonomi, kehidupan budaya mesti diteruskan seperti biasa.

Sebelum itu, dalam sidang dua hari Institut Kajian Dasar (IKD), Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula menegaskan pentingnya kestabilan yang dinikmati di negara ini. Mengikutnya, Malaysia mampu menangani masalah kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham sekarang dengan agak baik kerana kestabilan dinikmati di negara ini."

Tentulah salah satu aspek penting terkandung dalam kestabilan yang disebutkan Perdana Menteri itu ialah perpaduan. Perpaduan rakyat nampaknya sedikitpun tidak terjejas. Malah dalam bulan puasa ini jika diperhatikan di hotel atau gerai menjual kuih-muih sempena Ramadan, rakyat pelbagai kaum ikut membeli-belah. Di restoran, sewaktu berbuka puasa, bukan saja mereka yang beragama Islam berbuka, malah yang bukan Islam pun turut menikmati makanan Ramadan.

Sementara itu Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin selepas majlis berbuka puasa di Masjid Kampung Liang Batu, Lenga, Muar, Johor menyatakan satu perhimpunan khas membabitkan pemimpin belia peringkat negeri dan daerah akan diadakan untuk membolehkan kementerian menerangkan permasalahan dihadapi negara. Langkah itu mengikut Muhyiddin diadakan kerana masih ramai belia yang tidak mengetahui gambaran sebenar kegawatan ekonomi serta peranan mereka membantu kerajaan mengatasi masalah itu. Mengikut Muhyiddin lagi, perhimpunan itu juga bertujuan membangkitkan semangat patriotisme belia.

Berhubung program anjuran Menteri Belia dan Sukan itu kita ingin menambah supaya ia bukan saja dianjurkan hanya di negeri tertentu, malahan mestilah membabitkan seluruh negara kerana pentingnya belia di seluruh negara memahami keadaan yang sedang terjadi sekarang. Hanya dengan pengetahuan dan ilmu semasa, barulah mereka dapat membuat unjuran untuk masa depan. Dengan begitu mereka dapat menyusun tindakan yang sepatutnya mereka laksanakan.

Barangkali belanja mengadakan majlis seperti itu tentulah agak besar, tetapi memikirkan manfaat yang akan diterima oleh negara apabila majlis penerangan itu berjaya diadakan dengan sebaiknya, belanja agak besar itu boleh difikirkan caranya supaya menjadi lebih kecil.

Kepada belia, mereka harus diterangkan saranan dan gagasan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri mengenai kehidupan budaya, masyarakat dan seni harus berjalan seperti biasa, begitu juga pentingnya kestabilan bagi memastikan kejayaan Malaysia menghadapi zaman runcingnya.

Seni yang antara lain berperanan mengendurkan pelbagai ketegangan dalam diri manusia diakibatkan oleh pelbagai tekanan hidup dan kegiatan hariannya, memang amat penting hidup subur. Kesuburan budaya tidak sedikit pun terjejas dalam keadaan apa sekalipun. Dalam hal ini seniman dan setiap orang yang terbabit dalam bidang seni harus sedar kegawatan yang sedang terjadi.

Masyarakat Kuala Lumpur pada umumnya mengetahui teater di Kuala Lumpur

hidup kerana ada beberapa penaja utama membabitkan beberapa syarikat terkenal. Teater belum lagi boleh berdiri sendiri dan hidup atas hasil jualan tiket. Begitu juga acara pembacaan puisi.

Namun teater tentulah lebih beruntung kerana Panggung Negara tidak lama lagi akan siap. Kerja persiapan akhir berjalan dengan lancar. Kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik: "Masa kini golongan dramatis dan orang teater tidak boleh lagi merungut mengenai tempat persembahan. Sekarang kita sudah ada Panggung Negara. Persoalannya sekarang ialah sama ada dramatis kita mampu ataupun tidak untuk memenuhi permintaan dari Panggung Negara. Persoalannya ialah persoalan mutu."

Yang agak beruntung ialah seni lukis. Kita ada Balai Seni Lukis Negara. Kita ada banyak galeri di Kuala Lumpur dan ada banyak pula pengunjungnya. Sewaktu keadaan ekonomi sedang baik baru-baru ini, banyak pelukis menerima manfaatnya. Kita mengharapkan, walaupun ekonomi sedang gawat, harga hasil karya para karyawan tempatan kita tidak jatuh terlalu jauh.

(END)